

## KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB: ANALISA KELEMAHAN PELAJAR UITM MELAKA

### ***ARABIC WRITING SKILLS: UITM MELAKA STUDENT WEAKNESS ANALYSIS***

**Dr. Anuar bin Sopian**

Akademi Pengajian Bahasa (UiTM), Melaka, Malaysia.  
(Email: anuar\_09@uitm.edu.my)

**Received date:** 15-07-2019

**Revised date:** 16-07-2019

**Accepted date:** 22-07-2019

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** Sopian, A. (2019). Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Analisa Kelemahan Pelajar Uitm Melaka. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 58-65.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.27005

**Abstrak:** Menulis merupakan kemahiran yang penting dalam mempelajari bahasa asing. Melalui menulis pelajar akan dapat menambah kemahirannya yang lain dan dapat meningkatkan penguasaan bahasa. Menulis juga dianggap mustahak dalam apa bentuk sekalipun kerana ia dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelajaran. Penguasaan kemahiran menulis di kalangan pelajar tidak terhad untuk jangka masa yang pendek sahaja, bahkan berlanjutan sepanjang usia hidup mereka. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab seterusnya dapat difikirkan langkah penyelesaian terhadap masalah ini. Kajian ini dilakukan terhadap 30 orang pelajar diploma tahun pertama yang mengambil subjek bahasa Arab (TAC151) sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka. Para pelajar juga adalah terdiri dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama di sekolah rendah dan menengah. Kajian ini menggunakan penulisan sampel dalam minggu pembelajaran tanpa dinding (*Week Without Wall*) yang bertajuk ‘Persiapan menghadapi peperiksaan’ sebagai dapatan data. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kelemahan utama pelajar dalam penulisan adalah melibatkan imlak dan ejaan, penyesuaian gender, penggunaan kata kerja dan penggunaan idhofah. Kertas kerja ini turut membincangkan tentang faktor-faktor yang menyumbang ke arah kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis dan beberapa cadangan penambahbaikan teknik pengajaran pensyarahan untuk membantu pelajar menguasai kemahiran menulis bahasa Arab.

**Kata Kunci:** Kelemahan, Kemahiran, Menulis, Bahasa Arab

**Abstract:** Writing is an important skill in learning a foreign language. Through writing a student will be able to supplement his other skills and improve the mastery of the language. Writing is also important in any way because it can help improve student achievement in the

*lesson. Mastery of writing skills among students is not limited to a short period of time, even extending throughout their lifespan. This paper aims to identify the weaknesses of the students in mastering the writing skills of Arabic in order to consider the solution to this problem. This study was conducted on 30 first year diploma students who took the Arabic language (TAC151) as the third language in Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka. The students are also comprised of those who do not have a religious education background in primary and secondary schools. This study uses sample writing in week without wall (Week Without Wall) titled 'Preparation for examination' as a data finding. The findings show that the main weakness of the students in writing is involving dictation and spelling, gender adjustment, verb usage and idhofah use. This paper also discusses the factors that contribute to the weakness of students in mastering writing skills and some suggestions on improvement of lecturer's teaching techniques to help students master Arabic writing skills.*

**Keywords:** Weakness, Skills, Writing, Arabic

---

## **Pendahuluan**

Penulisan merupakan satu proses berterusan untuk memahami cara yang paling efektif dalam berbahasa sebagai cara untuk berkomunikasi. Penulisan juga boleh menjadi satu cabaran, sama ada menulis dalam bahasa ibunda masing-masing atau dalam bahasa kedua. Penulisan juga boleh meningkatkan penguasaan bahasa kerana para pelajar mencuba pelbagai jenis perkataan baru, ayat-ayat dan menulis dalam kuantiti yang banyak untuk berkomunikasi idea-idea mereka secara lebih efektif dan untuk mempraktikkan tatabahasa dan perbendaharaan kata yang dipelajari di dalam bilik darjah. Menurut Zamri dan Mohamed Amin (2003), kemahiran menulis pelajar ditingkatkan melalui kepelbagaiannya strategi kemahiran menulis. Strategi menulis yang pelbagai ini dapat membantu para pelajar dalam aktiviti penulisan, terutamanya ketika peperiksaan. Penulisan bahasa Arab begitu unik, ia sangat memerlukan setiap ejaan ditulis dengan tepat bukan sahaja pada bentuk huruf malah ketepatan juga perlu pada titik, simbol, *syaddah* dan lain-lainnya. Pelajar perlu menguasai kemahiran melakarkan huruf atau perkataan dengan cara yang betul. Sekiranya gagal, maklumat atau mesej yang hendak disampaikan tidak tepat, lari dari maksud dan tidak boleh difahami. Di samping itu, mereka mesti menguasai cara menulis perkataan yang telah dipersetujui oleh ahli bahasa, jika tidak sudah pasti penulisannya gagal untuk menjelaskan maksud yang sebenar. Mereka juga mesti mengetahui cara memilih perkataan yang betul dan menyusunnya menurut sistem yang tertentu supaya pembaca memahami idea yang ingin disampaikan (Hassan Shahatah, 1993).

## **Permasalahan**

Kemahiran berbahasa secara umumnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu; kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran ini dipelajari secara beransur-ansur dari yang paling asas dan mudah kepada yang kemahiran yang kompleks. Kemahiran mendengar adalah merupakan kemahiran asas pertama yang dipelajari oleh kanak-kanak pada peringkat awal (Ali Al-Madkur, 1991), malah ia menjadi kemahiran yang utama sebelum menguasai kemahiran-kemahiran yang lain (Hyslop & Tone, 1988). Namun begitu, kemahiran lain seperti kemahiran menulis juga merupakan antara kemahiran yang perlu diberi penekanan yang serius dalam proses pembelajaran bahasa. Salah satu cara komunikasi adalah melalui penulisan. Seseorang individu mampu mengungkap dan menzahirkan buah fikirannya, menceritakan peristiwa serta meluahkan perasaan melalui penulisan. Menulis merupakan proses penghasilan simbol-simbol grafik yang disusun berdasarkan pertuturan yang membentuk perkataan-perkataan dan seterusnya menjadi ayat (Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat, 2013). Ayat-ayat

yang disusun itu adakalanya panjang dan adakalanya pendek berdasarkan beberapa urutan yang bermakna yang membentuk teks, nota, draf dan bahan-bahan bercetak (Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997). Hal ini bermakna proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis amat mencabar kerana ia melibatkan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran membaca. Pemerolehan kosa kata yang mencukupi turut mempengaruhi proses penguasaan kemahiran menulis.

Terdapat beberapa isu yang telah ditimbulkan berhubung dengan pendekatan pengajaran dan ketidakupayaan pelajar yang tidak mampu untuk menulis dengan baik walaupun sudah berada pada peringkat pengajian tinggi. Malah, penguasaan bahasa Arab yang mendukacitakan dalam kalangan mahasiswa tidak dapat dinafikan (Ku Fatahiyah et al., 2014). Habibah (2016) telah mengkaji amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Dapatan kajian beliau memperlihatkan kebanyakan pelajar kurang berminat untuk mengarang dengan menangguhkan tugas disebabkan faktor kekurangan perbendaharaan kata, kurang membaca bahan-bahan tambahan di samping tugas mengarang itu sendiri yang bersifat kompleks dan sukar. Menurut kajian yang telah dibuat oleh Ab. Halim dan Mohd. Azidan (2017), faktor kelemahan kurikulum dan strategi pembelajaran yang kurang berkesan juga antara punca kesalahan pelajar Melayu dalam penguasaan penulisan bahasa Arab. Kajian ini juga turut disokong melalui kajian yang dibuat oleh Mohamad Rofian et al. (2016) yang menyatakan bahawa modul kemahiran menulis bahasa Arab bagi peringkat pengajian tinggi Malaysia adalah terhad dan kurang menekankan unsur psikologi. Hal ini menunjukkan polemik berkenaan kemahiran menulis masih menjadi perhatian para pengkaji dalam penguasaan kemahiran berbahasa Arab.

Selain itu kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar juga semakin hari semakin ketara dan meningkat terutama kemahiran menulis (Mat Taib, 2006; Che Radiah, 2009). Masalah-masalah seperti ejaan yang tidak tepat, penggunaan kata kerja yang salah dan hilangnya hubungan antara kata dalam satu ayat adalah antara rungutan para pensyarah yang memeriksa kertas jawapan untuk soalan-soalan yang melibatkan kemahiran menulis. Para pensyarah terpaksa berulangkali memeriksa dan meneliti kertas jawapan yang ditulis oleh pelajar dan ada yang terpaksa membuat kesimpulan sendiri untuk urusan pemarkahan. Kecekapan pelajar menulis dan mengarang amat mempengaruhi pencapaiananya dalam kursus-kursus bahasa Arab tersebut. Kerap kali pensyarah merungut kerana terdapat pelajar yang bergantung pada 'Google Translate' walaupun dalam membina dan menulis ayat yang mudah. Hal ini berlaku disebabkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan UA yang mengambil penghususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik (Ab. Halim, 2009 & Sueraya et al., 2010).

Hanani Hasan (2011) menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), tentang tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang selalu berulang dalam bidang pengajian Islam. Beliau mendapati tahap penguasaan mereka adalah lemah.

### **Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada permasalahan tersebut, apa yang ingin dilihat oleh pengkaji ialah seperti berikut:

1. Apakah aspek-aspek kelemahan-kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab?
2. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam menulis bahasa Arab?

## **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini cuba melihat tahap penguasaan para pelajar UiTM Melaka yang sedang mengikuti pengajian diploma dalam kemahiran penulisan karangan bahasa Arab. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti aspek-aspek kelemahan palajar dalam penulisan bahasa Arab
2. Mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan para pelajar melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa Arab

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini telah dijalankan terhadap pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Arab sebagai bahasa ke tiga, Universiti Teknologi MARA Kampus Melaka. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang pelajar diploma tahun pertama yang mengambil kursus Bahasa Arab TAC151 yang dipilih secara rawak. Bagi mendapatkan data kajian, Kajian ini menggunakan penulisan sampel dalam minggu pembelajaran tanpa dinding (*Week Without Wall*) yang bertajuk ‘Persiapan menghadapi peperiksaan’ sebagai dapatan data. Karangan yang ditulis oleh pelajar dalam adalah berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari di dalam kelas.

## **Analisa Dapatan Kajian**

Di sini dinyatakan beberapa contoh kesalahan beserta analisa pembetulan.

### ***Aspek Pertama: Imla' atau Ejaan***

<b>BIL</b>	<b>Ayat salah</b>	<b>Ayat betul</b>
1	اسلام عليكم	السلام عليكم
2	اراجع اللغة العربية	اراجع اللغة العربية
3	انا اراجع مع صدقتي	انا اراجع مع صديقتي
4	انا اتعلم في جمعة مارا	انا اتعلم في جامعة مارا
5	يوم الإثنين في الساعة العشيرة صباحا	يوم الإثنين في الساعة العاشرة صباحا

Analisa:

1. tiada huruf *lam* bacaan akan berbunyi *islam*.
2. pertukaran huruf *ya* kepada *ba*.
3. Pengguguran huruf *ya*.
4. pengguguran huruf *alif*.
5. pengguguran huruf *alif* dan pertambahan huruf *ya*.

### ***Aspek Kedua: Penyesuaian Gender Maskulin Dan Feminin***

<b>BIL</b>	<b>Ayat salah</b>	<b>Ayat betul</b>
1	لون مكتبة جامعة مارا احمر	لون مكتبة جامعة مارا حمراء
2	انا طالب مشغولة	انا طالب مشغول
3	اكتب الواجبات المنزل	اكتب الواجبات المنزلية
4	من خلال قراءة المواد العلمي	من خلال قراءة المواد العلمية
5	سأحضر الإمتحان النهائي	سأحضر الإمتحان النهائي

Analisa:

1. مكتبة (مکتبہ) feminin. Kata sifat maskulin. Kata sifat mesti serasi dengan *mausuf* (امحمر) yang feminin.
2. مشغولة (طالب) feminin. Kata sifat mesti serasi dengan *mausuf* yang maskulin.
3. المتزل (الواجبات) feminin. Kata sifat mesti serasi dengan *mausuf* yang feminin.
4. العلمي (المواد) feminin. Kata sifat mesti serasi dengan *mausuf* yang feminin.
5. النهائية (الإمتحان) feminin. Kata sifat mesti serasi dengan *mausuf* yang maskulin.

### **Aspek Ketiga: Penggunaan Kata Kerja**

BIL	Ayat salah	Ayat betul
1	كل يوم اناقش الدروس واتكتب التدريبات	كل يوم انا نقاش الدروس واتكتب التدريبات
2	كل يوم ادعوا الله واتصلى الحاجة واقراء القرآن	كل يوم ادعوا الله واتصلى الحاجة واقراء القرآن
3	ارجع الدرس في اليل	اراجع الدرس في اليل
4	يجب أن ندرس بجد لتحقيق أهدافنا ويصبحوا ناجحين	يجب أن ندرس بجد لتحقيق أهدافنا ونصبح ناجحين

Analisa:

1. تكتب (*تقراء*) *feel mudhari'* yang memberi erti awak (maskulin) sedang menulis atau dia (feminin) sedang menulis. Sepatutnya bererti saya (maskulin atau feminin) sedang menulis.
2. *تقراء dan تصلی* *feel mudhari'* yang memberi erti awak (maskulin) sedang sembahyang dan awak (maskulin) sedang membaca atau dia (feminin) sedang sembahyang atau dia (feminine) sedang membaca. Sepatutnya *اصلي و اقراء* bererti saya (maskulin atau feminin) sedang sembahyang dan saya sedang membaca.
3. ارجع (*ارجع*) memberi makna saya pulang. Dilihat pada ayat yang dikehendaki pelajar ialah saya mengulangkaji. Sepatutnya ialah ارجع.
4. يصبحوا (*يصبحوا*) memberi makna jadilah mereka (maskulin). Dilihat pada ayat yang dikehendaki pelajar ialah jadilah kita. Sepatutnya ialah نصبح.

### **Aspek Keempat: Penggunaan Idhofah**

BIL	Ayat salah	Ayat betul
1	ارجع الى البيت الطلبة	ارجع الى بيت الطلبة
2	اجلس في الغرفة الجلوس	اجلس في غرفة الجلوس
3	في اليوم الإثنين	في يوم الإثنين
4	ادرس في الكلية التجارة	ادرس في كلية التجارة
5	استعير الكتاب اللغة العربية	استعير كتاب اللغة العربية
6	في الإمتحان اللغة العربية	في إمتحان اللغة العربية

Analisa:

1. Perkataan *mudhof* tidak memerlukan kepada partikel *alif* dan *lam*.
2. Perkataan *mudhof* tidak memerlukan kepada partikel *alif* dan *lam*.
3. Perkataan *mudhof* tidak memerlukan kepada partikel *alif* dan *lam*.
4. Perkataan *mudhof* tidak memerlukan kepada partikel *alif* dan *lam*.
5. Perkataan *mudhof* tidak memerlukan kepada partikel *alif* dan *lam*.
6. Perkataan *mudhof* tidak memerlukan kepada partikel *alif* dan *lam*.

### **Perbincangan Dapatan**

Setelah dianalisa hasil penulisan karangan pelajar, pengkaji dapat mengenal pasti di sana ada beberapa faktor yang menyebabkan pelajar lemah dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab. Antaranya adalah kesilapan pelajar itu sendiri. Kebanyakan kesilapan yang dilakukan ialah kesalahan yang sama. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak mempunyai asas bahasa Arab sebagaimana mereka yang pernah belajar di sekolah-sekolah menengah Arab. Kajian ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Ghazali Yusri, (2006) yang menyatakan bahawa faktor kelemahan pelajar menguasai tulisan Arab boleh dilihat dari dua dimensi iaitu pertama, faktor teknikal tulisan itu sendiri dan kedua faktor sikap dan motivasi pelajar. Faktor pertama boleh diatasi dengan mengemukakan latihan-latihan yang bersesuaian dengan kesukaran yang dihadapi namun faktor kedua memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh kerana ia menyentuh perkara asas dalam pembelajaran iaitu sikap dan motivasi. Selain itu Habibah (2016) dalam kajiannya mendapati isu pelajar dalam pembelajaran Insya” berkait rapat dengan faktor sikap mereka yang negatif. Sikap negatif tersebut diterjemahkan dalam tindakan pelajar yang melengah-lengahkan tugas Insya” kerana dianggap sukar dan tidak menyeronokkan. Segelintir pelajar didapati tidak pernah menghantar tugas mengarang kepada guru.

Oleh itu Faktor utama kelemahan pelajar dalam penulisan Arab adalah disebabkan kecuaian pelajar sendiri. Ini dapat dilihat dari kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan antaranya imla dan ejaan. Para pelajar cuai dan melakukan kesilapan dalam perkataan-perkataan yang mudah dan yang sering digunakan dalam pertuturan. Selain itu kecuaian penulisan perkataan berkaitan perbezaan gender perbezaan gender, *idhofah* dan juga penggunaan kata kerja. Menurut Wan Moharani & Muhammad Marwan, (2008), Kesalahan memilih perkataan mengikut *I’rabnya* akan mencacatkan makna perkataan khasnya dan ayat secara keseluruhannya. Penggunaan kata kerja dalam bahasa Arab berkait rapat dengan masa atau kala. Begitu juga sebagaimana yang dijelaskan oleh Azlan dan Rosni (2015) bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kesalahan ialah kurang kecekapan dalam memahami kaedah nahu dan sorof serta kekurangan latihan eseai.

Faktor berikutnya adalah kaedah yang digunakan oleh pensyarah dalam proses pengajaran kemahiran menulis. Pengajaran pensyarah kurang memberi pendedahan tentang kemahiran, teknik dan strategi menulis dalam kelas menyebabkan pelajar kurang bersedia untuk menulis. Pernyataan kelemahan pengajaran guru dinyatakan oleh Roselan Baki (2003) iaitu kebanyakan guru pada umumnya masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan dan mereka menerapkan pengalaman. Kajian Muhamad Zaidi (2011) mendapati bahawa menyemak binaan perkataan atau ayat dalam kelas dan menyemak kesalahan murid secara berhadapan sangat membantu murid untuk mengenal pasti kesalahan yang dilakukan secara langsung. Pendekatan ini amat membantu pelajar serta dapat mengelakkan perasan malu bertanya dalam kalangan pelajar.

### **Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Kelemahan Pelajar Dalam Penulisan Arab**

Bagi mengatasi isu permasalahan dalam penulisan bahasa Arab, berikut merupakan cadangan bagi meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar antaranya ialah pendedahan strategi. Beberapa cadangan dan kajian telah dilakukan oleh beberapa pengkaji untuk memastikan pelajar dapat menulis karangan bahasa Arab dengan baik melalui teknik-teknik tertentu dan proses pembelajaran seperti pendekatan strategi bagi mengatasi masalah kemahiran menulis bahasa Arab (Mohamad Rofian et al., 2014; Rosni & Azlan, 2015). Selain itu, Muhamad Zaidi (2011) mendapati bahawa menyemak binaan perkataan atau ayat dalam kelas dan menyemak kesalahan murid secara berhadapan sangat membantu murid untuk

mengenal pasti kesalahan yang dilakukan secara langsung. Pendekatan ini amat membantu pelajar serta dapat mengelakkan perasan malu bertanya dalam kalangan pelajar.

Selain itu dengan memperbanyak aktiviti kemahiran penulisan bahasa Arab yang sesuai. Wan Norazwani (2011) mencadangkan beberapa aktiviti bagi meningkatkan kemahiran menulis seperti menulis diari harian, catatan log, jurnal peribadi, penulisan secara kumpulan, bahan-bahan bercetak, aktiviti permainan dan juga aktiviti mengkritik hasil penulisan rakan sebaya. Selain itu kajian Mohd Firdaus et al. (2014) yang telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti tahap kemahiran menulis pelajar melalui aktiviti *Jawlah Lughawiyyah*. Hasil daptan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pada tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran menulis.

Proses menulis adalah proses berterusan yang tidak tertakluk kepada pengajaran di dalam kelas sahaja tetapi berlangsung sepanjang hidup. Pelajar tidak sepatutnya mengharapkan pembelajaran di dalam kelas sahaja. Kemahiran menulis dapat diperaktikkan dengan membuat latihan menulis yang banyak. Latih tubi amat penting dalam proses pembelajaran bahasa untuk tujuan kefahaman dan pembentukan kebiasaan berbahasa. Pelajar digalakkan membaca teks atau karya-karya bahasa Arab yang pelbagai dan melatih diri menganalisis penulisan tersebut dari segi gaya dan penggunaan perkataan, di samping mencatat dan menghafal frasa-frasa menarik yang boleh digunakan dalam penulisan.

## **Penutup**

Kajian ini bukanlah bertujuan untuk mencari kesilapan pelajar dan memperbetulkannya semata-mata malah kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat aspek kelemahan pelajar dalam penulisan karangan bahasa Arab. Maka dengan kajian ini mudah-mudahan akan dapat memberi ruang dan peluang kepada pensyarah-pensyarah bahasa Arab memikirkan teknik-teknik atau kaedah-kaedah yang lebih terkini dan praktikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab. Penulisan merupakan proses kognitif yang kompleks melibatkan aspek teknikal dan kognitif. Analisa kesilapan yang dilakukan ke atas penulisan pelajar sedikit sebanyak akan membawa perubahan dalam cara mengajar bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan penguasaan pelajar dalam aspek leksikal.

## **Rujukan**

- Ab. Halim Mohammad. 2009. Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1)
- Ali Al-Madkur. (1991). *Tadris funun al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Syawaf.
- Ab. Halim Mohamad & Mohd. Azidan Abdul Jabar. (2017). Faktor Kesalahan Bahasa yang Mempengaruhi Pelajar Melayu dalam Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal AL-ANWAR*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT). Volume 1 (3); June 2017: Pg 21-32
- Ali Al-Madkur. (1991). *Tadris funun al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Syawaf
- Azlan Shaiful Baharum & Rosni Samah. (2015). Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi. *Sains Humanika*, 6(1).
- Che Radiah Mezah. 2009. Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab. (Cetakan Pertama). Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ghazali Yusri Bin Abd Rahman & Ahmad Bin Salleh. 2006. Kemahiran Menulis Tulisan Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar UiTM: Kelemahan Dan Cara Mengatasinya. Laporan Penyelidikan Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

- Habibah Mat Rejab. (2016). Amalan Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Insha' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hanani Hasan. (2011). Ma'rifah mufradaat fi maqalah islamiyyah lada talabah sanah rabi'ah kulliyah syariah wa qanun fi jami'ah ulum islamiyyah maliziyyah li 'am dirasi 2010/2011. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hassan Shahatah. (1993). Ta'lîm al-Lughah al-'Arabiyyah bayn al-nazariyyah wa altatbiq. Kaherah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- Hyslop, N. & Tone, B. (1988). Listening: Are we teaching it, and if so, how. ERIC Digest 3 (atas talian) <http://eric.ed.gov/?id=ED295132> (30 Oktober 2013)
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan reality penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. GEMA OnlineTM Journal of Language Studies, 13(2), 81-97.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997). Keterampilan bahasa. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan Awatif Abd Rahman Hairun Najuwah Jamali. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. GSE E-Journal of Education E-ISSN: 2289-688. Vol 1 No 2 2014.
- Mat Taib Pa. 2006. Dasar-dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. disunt: Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Firdaus Yahaya, Mohd Shahrizal Nasir, Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Zulazhan Ab. Halim, & Essmat Nasr Sweedan. (2014). Kemahiran Menulis dalam Bahasa Arab Menerusi Aktiviti Jawlah Lughawiyyah. Issues in Language Studies, 3(1), Pg 36–53.
- Muhammad Zaidi Zakaria. (2011). Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan menerusi program j-Qaf. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Rofian, Ahmad Redzauddin, Khairatul Akmar & Muhammad Daoh (2016). Kerangka Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab untuk Penutur Bukan Arab di Ipta Malaysia. In Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016) Bangi, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Pg 581–592.
- Roselan Baki. 2003. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd
- Sueraya Che Haron et.al. 2010. Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM). Contemporary Issues in Education Research; Aug 2010; ProQuest Education Journals.
- Wan Moharani dan Muhammad Marwan. (2008). Kajian Bandingan Ayat Namaan Bahasa Arab-Bahasa Melayu. (Cetakan Pertama). Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Norazwani Wan Jaafar. (2011). Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar Kelas Aliran Agama di Kota Setar. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2003. Strategi pembelajaran bahasa pelajar sekolah menengah. Jurnal Bahasa, 3 (2): 263-319